

010620170004500



BORANG PEMBATALAN HIBAH AMANAH TH/*PENAMAAN

JP034

1. Sila baca terma-terma dan syarat-syarat pembatalan Hibah Amanah TH /* Penamaan di Perkara E dengan teliti sebelum melengkapkan borang ini.
2. *Terpakai sekiranya Pemberi Hibah Amanah memilih untuk membuat gabungan Hibah Amanah dan Penamaan.
3. Sila lengkapkan maklumat di Perkara A, B, C, D dan E dengan HURUF BESAR dan tandakan (/) pada kotak yang berkaitan.
4. Borang ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Suratikatan Hibah Amanah dan Surat Kuasa Wakil.
5. Sila buat salinan mukasurat berkenaan terlebih dahulu jika bilangan Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah/*Penerima Namaan lebih daripada seorang/ruangan tidak mencukupi
6. Sila sertakan dokumen-dokumen seperti berikut iaitu: (rujuk Perkara E syarat 9 untuk syarat akui sah salinan)
 - i) Dokumen Pengenalan Diri Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit (asal dan salinan diakui sah);
 - ii) Salinan Dokumen Pengenalan Diri Penerima Hibah Amanah/ Penjaga Sah (sekiranya Penerima Hibah Amanah bukan anak kandung dan/atau cucu kandung) (salinan diakui sah);
 - iii) Sijil Kelahiran/Sijil Pengangkatan bagi Penerima Hibah Amanah berumur di bawah 18 tahun (salinan diakui sah);
 - iv) Suratikatan Hibah Amanah (asal);
 - v) Surat Kuasa Wakil (asal).

A: MAKLUMAT PERIBADI PEMBERI HIBAH AMANAH/*PENDEPOSIT

(Sila potong mana yang tidak berkenaan)

Nama (Mengikut Dokumen Pengenalan Diri):

No. Siri Aqad Hibah Amanah:

No. Akaun **TH**(Harta Hibah Amanah/*Penamaan):

No. Pengenalan Diri (Mykad):

No. Tentera/Polis:

Alamat Tetap:

Alamat Surat-Menyurat:

No. Telefon:

(Bimbit)	(Rumah)	(Pejabat)
----------	---------	-----------

B: PEMBATALAN PENGISYIHARAN HIBAH AMANAH TH*PENAMAAN

No. Siri Aqad Hibah Amanah:

Saya Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit seperti mana yang dinyatakan di Perkara A, dengan ini membatalkan keseluruhan pengisyiharan Hibah Amanah **TH***Penamaan yang telah saya buat sebelum ini berkuatkuasa dari tarikh penerimaan lengkap Borang Pembatalan Hibah Amanah **TH***Penamaan ini. Saya juga mengaku bahawa pembentukan Hibah Amanah **TH***Penamaan terdahulu adalah dibatalkan dengan kehendak saya sendiri. Saya dengan ini memberi kuasa kepada Lembaga Tabung Haji ('**TH**') untuk melaksanakan pembatalan keseluruhan Hibah Amanah **TH***Penamaan tersebut. Saya juga mengaku dan faham dengan apa-apa implikasi terhadap pembatalan pengisyiharan Hibah Amanah **TH***Penamaan ini. Saya bersetuju untuk menanggung rugi **TH** terhadap apa-apa hal, tuntutan, tindakan atau perkara yang berbangkit di bawah pembatalan pengisyiharan Hibah Amanah **TH***Penerima Namaan ini.

Ditandatangani oleh Pemberi Hibah Amanah /*Pendeposit:

.....
Nama :

No. Pengenalan Diri :

Tarikh :

T

O

H

C: PERSETUJUAN PEMBATALAN PENERIMA HIBAH AMANAH/PENJAGA SAH

(Bahagian ini perlu ditandatangani oleh Penerima Hibah Amanah yang bukan anak kandung dan/atau cucu kandung Pemberi Hibah Amanah)

Saya/ Kami sebagai Penerima Hibah Amanah dengan ini mengaku dan faham ke atas terma-terma dan syarat-syarat Hibah Amanah **TH** yang telah dibuat oleh Pemberi Hibah Amanah dan dengan ini bersetuju dengan pembatalan keseluruhan Hibah Amanah **TH** yang dibuat oleh Pemberi Hibah Amanah dengan menurunkan tandatangan seperti di bawah.

*PENERIMA NAMAAN			
BIL	NAMA PENERIMA NAMAAN	NO PENGENALAN DIRI	HUBUNGAN

D: PENGESAHAN PEMBATALAN PENGISYTIHARAN HIBAH AMANAH TH/*PENAMAAN

BAHAGIAN I: PENGESAHAN PEMBATALAN PENGISYTIHARAN HIBAH AMAAH TH/*PENAMAAN

1. *Bahwasanya saya penandatangan di bawah sebagai Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit dengan ini mengesahkan pembatalan pengisyiharan keseluruhan Hibah Amanah **TH***Penamaan yang telah saya buat sebelum ini berkuatkuasa dari tarikh penerimaan lengkap Borang Pembatalan Hibah Amanah **TH***Penamaan ini. Saya juga mengaku bahawa pembentukan Hibah Amanah **TH***Penamaan terdahulu adalah dibatalkan dengan kehendak saya sendiri.
2. Saya juga mengaku bahawa pada tarikh pembatalan keseluruhan Hibah Amanah **TH**ini, kesemua Penerima Hibah Amanah yang dinamakan masih hidup dan sekiranya Penerima Hibah Amanah telah meninggal dunia, maka ianya akan menjadi harta pusaka kepada Penerima Hibah Amanah tersebut dan peratusan bahagian Harta Hibah Amanah ke atasnya akan dibayar oleh **TH** kepada waris Penerima Hibah Amanah mengikut surat kuasa mentadbir yang dikemukakan oleh waris Penerima Hibah Amanah tersebut.
3. Saya dengan ini memberi kuasa kepada **TH**untuk melaksanakan pembatalan keseluruhan Hibah Amanah **TH***Penamaan ini tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma yang terkandung di dalam Borang Pembatalan Hibah Amanah **TH***Penamaan, Suratikatan Amanah dan Surat Kuasa Wakil.
4. Saya juga mengaku dan faham dengan apa-apa implikasi terhadap pembatalan pengisyiharan Hibah Amanah **TH***Penamaan ini.
5. Saya bersetuju untuk menanggung semua kos perundungan/yuran yang dikenakan oleh **TH** untuk melaksanakan pembatalan ini. Saya juga bersetuju untuk menanggung rugi dan membebaskan **TH** daripada sebarang kerugian, dakwaan atau tuntutan termasuk kos perundungan yang mungkin timbul berhubung dengan pembatalan ini dan/atau pelanggaran mana-mana terma dan syarat yang terkandung di dalam Borang Pembatalan Hibah Amanah **TH***Penamaan, Suratikatan Amanah dan Surat Kuasa Wakil ini.
6. Pembatalan ini dipersetujui oleh saya dengan menurunkan tandatangan di bawah.

Ditandatangi oleh Pemberi Hibah Amanah /*Pendeposit:

.....
T
.....
Nama :

No. Pengenalan Diri :

Tarikh :

BAHAGIAN II: SAKSI (rujuk Perkara E, syarat 10 untuk kelayakan saksi)

Disaksikan bahawa pengesahan pembatalan pengisyiharan Hibah Amanah **TH***Penamaan ini telah dilaksanakan dengan sebenar-benarnya oleh yang tersebut namanya di Perkara D.

Dihadapan kami:

Ditandatangi oleh Saksi 1: 	Ditandatangi oleh Saksi 2: H
Nama :	Nama :
No. Pengenalan Diri/ Cop Jawatan	No. Pengenalan Diri/ Cop Jawatan
Tarikh :	Tarikh :

E : TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PEMBATALAN HIBAH AMANAH TH*PENAMAAN

1. Permohonan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Suratikatan Hibah Amanah dan Surat Kuasa Wakil.
2. Pemberi Hibah Amanah mestilah seorang pendeposit **TH**yang mempunyai akaun simpanan dewasa, waras, berumur 18 tahun dan ke atas tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di bawah Borang Pembatalan Hibah Amanah **TH***Penamaan dan Suratikatan Hibah Amanah.
3. Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit boleh membuat pembatalan keseluruhan Hibah Amanah **TH***Penamaan. Permohonan ini membatalkan keseluruhan pengisyhtaran Hibah Amanah **TH***Penamaan yang telah dibuat oleh Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit sebelum ini berkuatkuasa dari tarikh penerimaan lengkap Borang Pembatalan Hibah Amanah **TH***Penamaan ini.
4. Pembatalan Hibah Amanah **TH***Penamaan hanya boleh dilakukan sekiranya kedua-dua Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit dan Penerima Hibah Amanah/*Penerima Namaan masih hidup.
5. Pemberi Hibah Amanah tidak boleh membuat pembatalan Hibah Amanah **TH**tanpa mendapat persetujuan Penerima Hibah Amanah kecuali Penerima Hibah Amanah adalah anak kandung dan/atau cucu kandung Pemberi Hibah Amanah tetapi Pemberi Hibah Amanah hendaklah membuat pengesahan bahawa anak kandung dan/atau cucu kandung masih hidup.
6. Pembatalan *Penamaan boleh dibuat tanpa perlu mendapatkan persetujuan Penerima Namaan tersebut.
7. Yuran berkenaan dengan Pembatalan Hibah Amanah **TH***Penamaan ini akan dikenakan kepada Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit seperti berikut:
 - Yuran Pembatalan RM70.00(Nota: Tertakluk kepada tambahan 0% Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST))
8. Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit perlu mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut semasa membuat permohonan pembatalan Hibah Amanah **TH***Penamaan:
 - i) Dokumen Pengenalan Diri Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit (asal dan salinan diakui sah);
 - ii) Salinan Dokumen Pengenalan Diri Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah (sekiranya Penerima Hibah Amanah bukan anak kandung dan/atau cucu kandung) (salinan diakui sah);
 - iii) Sijil Kelahiran/Sijil Pengangkatan bagi Penerima Hibah berumur di bawah 18 tahun (salinan diakui sah)
 - iv) Suratikatan Hibah Amanah (asal);
 - v) Surat Kuasa Wakil (asal).
9. Salinan dokumen hendaklah diakui sah oleh mana-mana orang seperti berikut:
 - i) Penghulu;
 - ii) Ketua Masyarakat (Sabah dan Sarawak Sahaja);
 - iii) Majikan tempat bekerja;
 - iv) Pentadbiran tempat belajar;
 - v) Pesuruhjaya Sumpah; atau
 - vi) Pegawai **TH**yang diberi kuasa.

10. Syarat-syarat menjadi saksi pada Borang Pembatalan Hibah Amanah **TH***Penamaan
i) Individu Muslim, berumur 18 tahun ke atas dan waras; atau
ii) Anggota **TH** yang diberi kuasa.

Saya faham dan bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat seperti yang terkandung di atas.

Ditandatangani oleh Pemberi Hibah Amanah /*Pendeposit:

C

Nama :

No. Pengenalan Diri :

Tarikh :

O

UNTUK KEGUNAAN LEMBAGA TABUNG HAJI (TH)

Diterima/Disemak Oleh:

Nama Pegawai **TH** :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Rasmii TH

N

T

O

H